

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PERSATUAN ANAK-ANAK PENYAYANG 2 (PAPS 2)
Lokasi : HOSPITAL UNIVERSITI, KUALA LUMPUR
Tarikh : 05-02-2001

Bersyukurlah kita ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita menyaksikan sekali lagi pelancaran Persatuan Anak Penyayang Sri Cempaka yang kedua (PAPS 2).

2. Masih jelas dalam peringatan saya bahawa 9 tahun dahulu iaitu pada tahun 1991, saya telah melancarkan PAPS 1 di Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur. Seterusnya saya telah menerima laporan tahunan tentang kegiatan-kegiatan PAPS 1. Kegiatan-kegiatan yang murni ini adalah sungguh menggalakkan. Di samping menghulurkan tangan persahabatan tanpa mengira keturunan atau agama, ahli-ahli PAPS menyebar keceriaan di kalangan pesakit-pesakit.

3. Pada hemat saya, kegiatan-kegiatan ini sangat bermakna dan bernilai. Ia mewujudkan serta memperkukuhkan persefahaman dan perpaduan di kalangan generasi muda. Kegiatan-kegiatan ini juga boleh dijadikan teladan kepada masyarakat amnya. Nyatalah di samping menceriakan pesakit-pesakit kanak-kanak ini, program PAPS juga menjadi titik permulaan bagi pelajar-pelajar mengamalkan secara otomatik apa yang dipelajari mereka di bangku sekolah. Tanpa disedari, mereka menyemaikan dalam hati sanubari masing-masing pada usia muda lagi, semangat sukarelawan dan perpaduan yakni satu tindakan yang mempunyai nikmat dua hala.

4. Saya tertarik dengan usaha yang dilaksanakan oleh PAPS yang mana sudah tentu ahli-ahlinya akan mengecapi kepuasan hati tanpa mengharapkan sebarang ganjaran serta menerima hakikat bahawa 'a good deed is its own reward'. Dengan cara inilah pelajar-pelajar akan membesar dan menjadikan kerja-kerja amal satu budaya hidup mereka. Maka berasaskan aktiviti-aktiviti yang diamalkan oleh PAPS, saya dengan penuh kepercayaan menyokong penubuhan PAPS 2 di Hospital Universiti. Dengan ini juga saya berharap ianya dapat disemarakkan secara berleluasa di hospital-hospital lain. Sekolah juga merupakan satu institusi untuk: - memperoleh dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan menghapuskan kejahilan; - mengatasi prasangka dan menerapkan persefahaman; - mengikis kebencian, sebaliknya menyemai kasih sayang.

5. Seterusnya, Pendidikan Moral di sekolah pula antara lain bertujuan melengkapkan pelajar dengan ciri-ciri yang boleh menjadikan mereka rakyat yang bertakwa kepada Tuhan, ahli keluarga yang bertanggungjawab serta ahli masyarakat yang peka dan perihatin kepada kedudukan masyarakat majmuk. Oleh yang demikian, mata pelajaran ini amatlah penting dan memerlukan amalan harian supaya berkesan dan bermakna. Malangnya jika ia dianggapkan sebagai mata pelajaran yang hanya penting untuk mengumpul markah dalam peperiksaan maka ia akan terbiar sahaja sebagai bahan dalam buku teks.

6. Sayugia nyatakan di sini bahawa harapan saya meningkat apabila melihat bagaimana Sekolah Sri Cempaka telah berjaya menyusun rancangan PAPS yang membolehkan pelajar-pelajarnya menerap nilai-nilai murni. Di samping menunaikan tanggungjawab sosial, mereka juga menyahut aspirasi negara. Saya percaya PAPS bukan sahaja memberi kepada ahli-ahlinya semangat berbakti tanpa ganjaran bahkan kegembiraan dan kepuasan hati untuk hidup yang lebih bermakna. Tidak syak lagi, ini akan menyedia dan melengkapkan pelajar untuk masa depan mereka.

7. Sebagai seorang ibu dan nenek yang prihatin terhadap kegiatan generasi muda, saya bersyukur kerana adanya program-program sihat seperti PAPS yang boleh menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli PAPS iaitu seluruh keluarga Cempaka termasuk guru-guru dan pelajar-pelajar yang telah mencurahkan usaha gigih dan komitmen untuk menjayakan program ini dengan cemerlang.

8. Saya harap usaha ini akan diteruskan untuk memberi manfaat kepada mereka yang berkeperluan.

9. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya melancarkan PAPS Sekolah Sri Cempaka ke-2 Hospital

Universiti.